

HARIAN METRO
26/8/2017 P.46



DR Anjas Asmara (kiri) bersama pelajar membuat kajian di makmal.



PENSYARAH Kanan Jabatan Sains Haiwan Fakulti Pertanian UPM, Dr Shokri Jusoh (kiri) bersama pelajarinya melihat jerami padi makanan ternakan lembu.



Penting jaga nutrisi lembu

Serdang: Penghasilan makanan untuk ternakan terutama pada musim tengkujuh cukup penting bagi memastikan lembu mempunyai nutrisi mencukupi selain mengelak pelbagai penyakit lain.

Berikutan itu, Jabatan Sains Haiwan Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) terus komited melakukan kajian berkaitan makanan supaya penternak tidak kehabisan bekalan.

Pensyarah Jabatan Sains Haiwan Fakulti Pertanian UPM Profesor Dr Anjas Asmara Samsudin berkata, antara produk yang berjaya diketengahkan adalah rumput peram yang sesuai diberikan kepada lembu dan kambing.

Beliau berkata, produk rumput peram berkenaan yang mengambil

masa lebih setahun untuk dihasilkan adalah terdiri daripada sisa tumbuhan dan rumput.

“Sisa tumbuhan dan rumput itu dicampur asid serta beberapa bahan lain dalam satu bekas seterusnya dibiarkan tertutup untuk tempoh tertentu.

“Rumput peram ini boleh bertahan sehingga dua tahun dan amat bersesuaian untuk digunakan pada musim darurat atau tengkujuh,” katanya.

Katanya, walaupun rumput peram tidak dapat memenuhi keperluan zat haiwan, ia dapat membantu mengelak ternakan mati akibat kebuluran.

“Setiap lembu yang mempunyai berat 300 kilogram memerlukan sekurang-kurangnya 30 kilogram makanan sehari.

“Kebiasaannya, penternak akan menghadapi masalah kekurangan makanan terutama di negeri pantai timur yang sering menghadapi musim tengkujuh,” katanya.

Selain itu, pihaknya juga masih lagi membuat kajian bagi menghasilkan makanan haiwan berasaskan hampas kelapa sawit dan sisa pertanian lain.

“Selepas ini, penternak tidak hanya mengharapkan makanan berasaskan rumput semata-mata kerana sebenarnya terdapat bahan buangan lain yang boleh dimanfaatkan.

“Setakat ini, penghasilan makanan rumput perap hanya tertumpu untuk ternakan UPM saja belum lagi dikomersialkan secara meluas,” katanya.